



جامعة السلطان الشريف علي الإسلامية
UNIVERSITI ISLAM SULTAN SHARIF ALI
SULTAN SHARIF ALI ISLAMIC UNIVERSITY

Fakulti Syariah dan Undang-undang Semester II, Sesi Akademik 2018/2019

Kertas Soalan Peperiksaan Akhir

Kod Kursus : SL 2402

**Nama Kursus : Introduction to Law and Legal System in
Brunei**

**Tahap Kursus : Sarjana Muda Syariah (Fiqh Kehakiman) &
(Fiqh Usul)**

Masa : 3 jam

Nota:

Jawab **empat** soalan dari soalan-soalan berikut.

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ

Soalan 1 (15 markah)

- a) Apakah undang-undang bertulis yang terdapat di Brunei Darussalam sebelum kedatangan British? Bincangkan satu (1) serta terangkan isi kandungannya dan kedudukannya selepas tahun 1906.

(10 markah)

- b) Terangkan lima (5) perbezaan di antara undang-undang dan moral.

(5 markah)

Soalan 2 (15 markah)

- a) Bincangkan perkembangan Mahkamah Kadi di Brunei Darussalam, dengan merujuk kepada sejarah dari kedatangan British ke Brunei Darussalam sehinggalah tahun 2001.

(10 markah)

- b) Adakah Perlembagaan Brunei Darussalam boleh dipinda? Terangkan dengan merujuk kepada peruntukan di dalam Perlembagaan Brunei Darussalam.

(5 markah)

Soalan 3 (15 markah)

Bincangkan **tiga (3)** daripada soalan-soalan berikut:

- a) Common law dan ekuiti
- b) Prinsip *Rule of Law*
- c) Doktrin *Stare Decisis*
- d) Kes *Donoghue v Stevenson* [1932] AC 562

(5 markah setiap satu)

Soalan 4 (15 markah)

- a) Terangkan sistem perundangan Brunei Darussalam serta jelaskan hierarki struktur mahkamah sivil dan mahkamah syariah di Brunei Darussalam.
(5 markah)
- b) Apakah yang dimaksudkan dengan 'Perlembagaan Bertulis' dan 'Perlembagaan Tidak Bertulis'? Huraikan serta jelaskan contoh.
(5 markah)
- c) Terangkan sistem '*Adversarial*' dan '*Inquisitorial*'.
(5 markah)

Soalan 5 (15 markah)

a) Huraikan dua (2) perbezaan bagi soalan-soalan berikut:

- i) Undang-undang sivil dan undang-undang jenayah.
- ii) Undang-undang sivil dan undang-undang biasa (Common law).
- iii) Undang-undang sivil dan undang-undang Syariah.

(6 markah)

b) Jelaskan maksud 'Konvensyen' dalam perundangan perlembagaan dan nyatakan dua (2) contoh.

(4 markah)

c) Terangkan mengenai falsafah "Utilitarianism" oleh John Stuart Mill dan jelaskan pendapatnya mengenai undang-undang dan moral.

(5 markah)

بالتوفيق والنجاح